

# 10 sasaran awal dikenal pasti

■ KUALA LUMPUR 5 OKT.

**W**AWASAN Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) menggariskan 10 sasaran awal yang berpaksikan keberhasilan dan penekanan terhadap pencapaian negara termasuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), meningkatkan pendapatan kumpulan B40 dan mengurangkan jurang pendapatan antara kaum.

Menurut buku WKB2030 yang dilancarkan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini, antara sasaran tersebut adalah KDNK benar berkembang pada kadar purata sebanyak 4.7 peratus setahun pada harga malar dan disasarkan mencapai RM3.4 trilion pada harga nominal.

“Sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perniagaan mikro kepada KDNK pula sebanyak 50 peratus berbanding sumbangan 38.3 peratus pada tahun 2018, manakala sumbangan *enterprise* Bumiputera sebanyak 20 peratus kepada KDNK,” menurut buku tersebut.

Sasaran lain yang digariskan adalah purata pendapatan wajar (berasaskan perbelanjaan) tidak kurang daripada RM5,800 sebulan bagi kumpulan isi rumah B40.

Selain itu gaji penengah bulanan antara kumpulan etnik bumiputera, Cina dan India disasarkan pada nisbah 1:1:1.

“Nisbah gaji penengah bulanan bumiputera dengan Cina sedia ada adalah 0.88:1 dan nis-



**BUKU Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menetapkan sasaran antaranya KDNK benar berkembang pada kadar 4.7 peratus setahun. - MINGGUAN/ABDUL RAZAK LATIF**

bah India dengan Cina sedia ada adalah 0.82:1 pada tahun 2016.

“Nisbah ini menggambarkan jurang gaji antara kumpulan etnik masih wujud dan perlu disetarakan,” menurut dokumen berkenaan.

Buku WKB2030 menyatakan pendapatan penengah bulanan kumpulan etnik bumiputera, Cina dan India disasarkan pada nisbah 0.9:1:1.

WKB2030 juga menggariskan sasaran nisbah aset kewangan per kapita mengikut kumpulan etnik bumiputera dengan Cina adalah 0.6:1 manakala India dengan Cina adalah 0.8:1 perlu dicapai.

“Penetapan nisbah ini adalah untuk menangani jurang kekayaan sedia ada antara bumiputera dengan Cina pada nisbah 0.5:1 serta India dengan Cina pada nisbah 0.7:1,” menurut buku itu.

Dokumen itu menjelaskan penetapan 10 sasaran awal ini adalah untuk memperkukuh pemantauan keberhasilan yang akan dijadikan asas kepada inisiatif kerajaan.

Antara sasaran lain yang digariskan ialah 'menilai semula pendapatan wajar masyarakat agar tidak kurang daripada RM5,800 sebulan untuk golongan B40. - BERNAMA